

Nama Program: Lawatan Pemeriksaan Semula oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat ke Premis sekitar INSTUN

Tarikh: 17 Ogos 2026

Tempat: Premis sekitar INSTUN

Ringkasan Program:

Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menjalankan lawatan pemeriksaan semula ke premis kita pada 17 Ogos 2026. Lawatan ini merupakan tindakan susulan daripada maklum balas notis yang telah dikeluarkan pada 30 September 2025 yang lalu bagi memastikan segala langkah menghapuskan bahaya kebakaran telah diambil tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Sesi lawatan semula tersebut telah memfokuskan kepada kawasan di sekitar Asrama A dan Asrama B. Pemeriksaan ini telah diketuai oleh pegawai pemeriksa iaitu Tuan Nadzri bin Che Nordin, Timbalan Penguasa Bomba II dari Bahagian Keselamatan Kebakaran Zon 4, Tapah.



